

NAMA:

TINGKATAN:

**MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5
TAHUN 2022/2023**

SEJARAH

KERTAS 1

1 JAM

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Modul ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Jawab semua soalan

1. Mengapakah kedudukan seorang raja dalam Kerajaan Alam Melayu sangat dihormati oleh rakyat?

- I Dianggap suci
- II Mengetuai kerajaan
- III Menguasai alam semesta
- IV Kepakaran dalam bidang perundangan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2. Jadual berikut berkaitan Hukum Kanun Melaka.

Fasal 4	Memalsukan titah sultan
---------	-------------------------

Kesalahan tersebut boleh dijatuhi hukuman

- A sebat
- B denda
- C bunuh
- D penjara

3. Berikut adalah akta yang merupakan antara faktor yang mencetuskan Revolusi Amerika 1776.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Akta Setem • Akta Gula • X |
|--|

Apakah X?

- A AktaTeh
- B Akta Kopi
- C Akta Garam
- D Akta Rahsia

4. Penubuhan madrasah telah meniup semangat baharu dalam kalangan pelajar di Tanah Melayu.

Bagaimanakah keadaan tersebut berlaku ?

- A Kebangkitan Pan Islamisme
- B Kemasukan idea Kaum Muda
- C Kemajuan teknologi media cetak
- D Kemasukan idea nasionalisme barat

5. Maklumat berikut berkaitan agensi pentadbiran British di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

- Jabatan Siasatan Jenayah
- Biro Siasatan Politik

Apakah kesan penubuhan agensi tersebut?

- A Aktiviti jenayah dipantau
- B Gerakan politik Islam dikawal
- C Keselamatan rakyat terpelihara
- D Keganasan komunis dihapuskan

6. Pada Jun 1944, tentera Bersekutu telah mendarat di Normandy, Perancis.

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Jerman menyerah kalah
- B Jepun menyerang Asia Pasifik
- C Rusia menyertai Pakatan Bersekutu
- D Britain kehilangan pasaran antarabangsa

7. Jadual berikut berkaitan pentadbiran British di Tanah Melayu.

Tarikh	Perkara
12 September 1945	Pentadbiran British Military Administration (BMA)

Mengapakah pentadbiran tersebut diperkenalkan?

- A Mengukuhkan perpaduan kaum
- B Memulihkan kepercayaan rakyat
- C Mengurangkan ancaman komunis
- D Melaksanakan proses dekolonisasi

8. Maklumat berikut berkaitan kesan pembentukan Malayan Union di Tanah Melayu.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Syarat kerakyatan secara <i>Jus Soli</i> • Kuasa raja turut tergugat |
|---|

Apakah tindakan orang Melayu?

- A Memohon bantuan asing
- B Mengukuhkan pertahanan negeri
- C Menggubal perlembagaan alternatif
- D Mengadakan demonstrasi secara aman

9. Sebuah Jawatankuasa Kerja dibentuk untuk merangka perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Apakah cadangan Jawatankuasa Kerja tersebut?

- I Menggabungkan Singapura
 - II Memperketatkan syarat kewarganegaraan
 - III Memulihkan kedaulatan Raja-raja Melayu
 - IV Menubuhkan Majlis Mesyuarat Persekutuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

10. Jadual berkaitan dengan perkembangan politik di Tanah Melayu.

Tahun	Peristiwa
1948	Pemeteraian Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap orang Melayu?

- A Kehilangan kuasa memerintah
- B Diiktiraf sebagai penduduk asal
- C Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi
- D Pemerintahan bercorak demokrasi

11. Jadual berikut berkaitan tindakan British semasa darurat.

Ogos 1950	Penubuhan Cawangan Khas (Special Branch)
-----------	--

Apakah peranan unit tersebut?

- A Menjadi pasukan peninjau
- B Menyerang kubu musuh
- C Menyamar sebagai komunis
- D Menangkap pemimpin pengganas

12. Maklumat berikut berkaitan rundingan antara Parti Komunis Malaya (PKM) dengan pihak kerajaan?

Tarikh	Peristiwa
28 Disember 1955	Rundingan Baling

Mengapakah rundingan tersebut menemui kegagalan?

- A PKM enggan meletak senjata
- B PKM menuntut bayaran pampasan
- C Kerajaan enggan membubarkan parlimen
- D Kerajaan ingin menguatkuasakan darurat

13. Maklumat berikut berkaitan perkembangan politik di Tanah Melayu sebelum merdeka.

Pertubuhan	Matlamat
Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)	Membentuk perpaduan kaum

Bagaimanakah matlamat tersebut boleh dicapai?

- A Menentang ancaman komunis
- B Memperjuangkan hak sama rata
- C Menanam semangat kebangsaan
- D Melaksanakan pemerintahan demokrasi

14. Maklumat berikut berkaitan penubuhan parti politik di Tanah Melayu.

- Malayan Indian Congress (MIC)
- Malayan Chinese Association (MCA)

Apakah matlamat penubuhan parti tersebut?

- A Memperjuangkan dasar perkongsian kuasa
- B Pembinaan satu negara bangsa
- C Menuntut kemerdekaan negara
- D Bekerjasama antara kaum

15. Sistem Ahli mengekalkan tiga portfolio di bawah pentadbiran British.

Apakah portfolio tersebut?

- I Hal Ehwal Ekonomi
 - II Tenaga dan Sumber Asli
 - III Perumahan Luar Bandar
 - IV Perumahan dan Kerja Raya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

16. Mengapakah Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu 1955 diadakan?

- A Membentuk kerajaan
- B Mewujudkan perpaduan
- C Menggubal undang-undang
- D Memilih Yang di-Pertuan Agong

17. Maklumat berikut berkaitan dengan usaha rundingan kemerdekaan ke London pada tahun 1956.

Pada 1 Januari 1956, pukul 5.00 petang, rombongan kemerdekaan menaiki kapal laut M.V Asia, berlepas dari Pelabuhan Tanjung Pagar, Singapura ke Karachi, Pakistan.

Mengapakah Tunku Abdul Rahman memilih menggunakan kenderaan tersebut?

- A Melindungi keselamatan
 - B Menyusun strategi perundingan
 - C Menghadapi masalah kewangan
 - D Mengelakkan diketahui musuh negara
18. Jadual berikut berkaitan anggota Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Nama	Negara
Lord Reid	Britain
Sir Ivor Jennings	Britain
Sir William Mckell	Australia
Hakim B. Malik	India
Hakim Abdul Hamid	Pakistan

Mengapakah suruhanjaya tersebut dianggotai oleh pelbagai tokoh daripada negara luar?

- A Menjaga keamanan negara
- B Desakan oleh rakyat tempatan
- C Mengukuhkan pelaksanaan amalan demokrasi
- D Berpengalaman dalam bidang perundangan

19. Gambar menunjukkan perarakan orang ramai pada 31 Ogos 1957.



Apakah nilai murni yang dapat dikaitkan dengan peristiwa tersebut?

- A Menghargai prinsip demokrasi
 - B Berketrampilan dalam tindakan
 - C Berwawasan dalam perjuangan
 - D Perpaduan rakyat berbilang kaum
20. Pelbagai persediaan fizikal telah diadakan untuk menyambut peristiwa bersejarah negara pada 31 Ogos 1957.

Apakah persediaan tersebut?

- I Pembinaan Bangunan Parlimen
 - II Pembinaan Istana
 - III Pembinaan Stadium
 - IV Pembinaan Muzium Negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
21. Maklumat berikut berkaitan dengan pembentukan negara bangsa kita.

- Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957
- Pembentukan Malaysia pada 1963

Apakah konsep yang boleh dikaitkan dengan pembentukan tersebut?


- A Kedaulatan
- B Kewibawaan
- C Kesamarataan
- D Kewarganegaraan

22. Keunikan negara kita ialah memiliki rakyat yang berbilang kaum.

Apakah aspek yang telah menyatukan rakyat di negara kita?

- I Adat resam
- II Rukun Negara
- III Bahasa kebangsaan
- IV Kawasan petempatan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23. Gambar berikut berkaitan dengan Laporan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.



Apakah suruhanjaya yang menghasilkan laporan tersebut?

- A Suruhanjaya Tinggi British
- B Suruhanjaya Pilihan Raya
- C Suruhanjaya Cobbold
- D Suruhanjaya Reid

24. Dalam sistem Demokrasi Berparlimen, Yang di-Pertuan Agong adalah pemerintah tertinggi negara.

Antara yang berikut, manakah berkaitan dengan bidang kuasa baginda?

- I Melantik jawatan utama negara
 - II Menguruskan permohonan kerakyatan
 - III Membubarkan Dewan Undangan Negeri
 - IV Mengurniakan anugerah kebesaran Persekutuan
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
25. Hakim mahkamah di Malaysia mestilah bebas daripada pengaruh politik.

Mengapakah prinsip tersebut diamalkan?

- A Melicinkan pentadbiran kerajaan
 - B Mengukuhkan amalan demokrasi
 - C Memelihara kebebasan asasi rakyat
 - D Menjamin keadilan sistem kehakiman
26. Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran negara kita.

- Demokrasi Berparlimen
- Prinsip pengasingan kuasa

Mengapakah sistem tersebut dilaksanakan?

- A Melindungi hak asasi rakyat
- B Mengukuhkan kerjasama politik
- C Menjayakan prinsip Rukun Negara
- D Mengesahkan perlantikan Jemaah Menteri

27. Pasangan manakah yang betul berkaitan pembahagian kuasa antara kerajaan dalam Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri.

	Senarai Persekutuan	Senarai Negeri
A	Pentadbiran keadilan	Undang-undang Islam
B	Kebajikan awam	Perumahan
C	Adat anak negeri	Kewangan
D	Pelajaran	Kerajaan tempatan

28. Selepas tahun 2005, kerjasama sosioekonomi dilaksanakan melalui Pembangunan Koridor Wilayah berlandaskan projek pembangunan

Antara berikut, manakah kawasan pembangunan yang dibentuk?

- I Wilayah Segitiga Jengka (WSJ)
 - II Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)
 - III Rancangan Pembangunan Iskandar (SJER)
 - IV Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM)
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
29. Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu mencadangkan idea pembentukan Malaysia.
- Apakah kepentingan cadangan penggabungan wilayah tersebut?
- A Menyekat aktiviti penyeludupan
 - B Menyeragamkan sistem pentadbiran
 - C Menggalakkan kerjasama kebudayaan
 - D Mengukuhkan pertahanan

30. Idea gagasan Malaysia ialah konsep yang menggabungkan beberapa bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara.

Mengapakah pihak British mengemukakan idea tersebut?

- A Mengawal kemasukan imigran
- B Memudahkan pentadbiran
- C Mengukuhkan kuasa Raja-raja Melayu
- D Menghapuskan kuasa pemimpin tempatan

31. Maklumat berikut berkaitan krisis perlembagaan yang berlaku di Sarawak pada bulan Jun 1966.

- Stephen Kalong Ningkan dipecat oleh Gabenor sebagai Ketua Menteri Sarawak
- Beliau membawa kes ke mahkamah dan menang
- Mendapat undi tidak percaya daripada Council Negeri

Apakah kesan dari peristiwa tersebut?

- A Pengukuhan kuasa pembangkang
- B Pengisytiharan darurat
- C Pencerobohan tentera asing
- D Pembubaran perlembagaan

32. Antara berikut, manakah merupakan cabaran dalam mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional pada awal pembentukan Malaysia?

- I Kepelbagaian kaum
- II Perbezaan jarak
- III Kekuatan pertahanan
- IV Perubahan politik serantau

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33. Jawatankuasa Kabinet 1974 ditubuhkan untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan.

Apakah intipati kandungan laporan jawatankuasa tersebut?

- I Memperkasa sekolah aneka jurusan
- II Penekanan terhadap aktiviti kokurikulum
- III Mewajibkan mata pelajaran Bahasa Melayu
- IV Pengenalan mata pelajaran teras dan elektif
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34. Gambar berikut merujuk kepada dasar Kementerian Pendidikan Malaysia.



Apakah kepentingan dasar tersebut?

- A Memperkasa aktiviti sukan rakyat
- B Meningkatkan kualiti sistem pendidikan
- C Memastikan semua murid sentiasa cergas
- D Memupuk semangat setiakawan berpasukan

35. Dasar Penswastaaan dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Apakah matlamat dasar tersebut?

- A Menggiatkan pembukaan tanah
- B Meningkatkan kualiti perkhidmatan
- C Mengimbangi pemilikan saham antara kaum
- D Meningkatkan daya saing syarikat bumiputera

36. Maklumat berikut berkaitan dengan dasar pembangunan negara selepas merdeka.

Tahun	Dasar
1970-1990	Dasar Ekonomi Baru (DEB)
1991-2000	Dasar Pembangunan Nasional (DPN)


Apakah kejayaan dasar tersebut?

- I Penurunan kadar kemiskinan penduduk
 - II Pembangunan kawasan industri baharu
 - III Pembangunan perindustrian berteknologi tinggi
 - IV Peningkatan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

37. Apakah faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia?

- A Pengaruh kuasa besar dunia
- B Pendirian pertubuhan serantau
- C Kepentingan ekonomi negara
- D Melindungi kepentingan nasional

38. Gambar berikut berkaitan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)



Apakah matlamat pertubuhan tersebut?

- A Membentuk pakatan tentera antarabangsa
- B Menyekat perkembangan fahaman komunis
- C Membela masyarakat Islam seluruh dunia
- D Meningkatkan kerjasama dengan kuasa besar

39. Komuniti ASEAN telah ditubuhkan pada tahun 2015 melalui Deklarasi Kuala Lumpur.

Apakah matlamat penubuhan komuniti tersebut?

- A Membentuk pakatan ketenteraan
- B Menyelesaikan konflik secara damai
- C Memansuhkan cukai dagangan serantau
- D Menggalakkan kemasukan pelaburan asing

40. Maklumat berikut berkaitan dengan dasar pertubuhan ASEAN.

Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ)
--

Apakah kepentingan perjanjian tersebut kepada rantau Asia Tenggara?

- A Memodenkan industri persenjataan
- B Mengelak persaingan kuasa besar
- C Mengukuhkan kerjasama ketenteraan
- D Menyekat aktiviti jenayah rentas sempadan